

EKSAIS

Eksais adalah sejenis duti atau cukai yang dikenakan atas barang-barang tertentu yang diimport ke Malaysia ATAU di kilang dalam Malaysia

BARANG-BARANG YANG TERTAKLUK KEPADA DUTI EKSAIS

Minuman keras
Tembakau dan keluaran tembakau
Motokar, 4WD, Van/MPV
Motosikal
Playing cards (Daun terup)
Mahjong tiles

KADAR DUTI EKSAIS

Selaras peruntukkan Seksyen 6(1) *Akta Eksais 1976*, Menteri Kewangan melalui Perintah yang diwartakan dari masa ke semasa akan menetapkan kadar Duti Eksais yang patut dikenakan atas barang-barang tertentu yang diimport ke Malaysia atau dikilang dalam Malaysia.

Kadar Duti Eksais yang dikenakan di Malaysia masa kini sama ada KADAR SPESIFIK (contohnya RM58.00 per kg, RM47.50 per decalitre dll) atau KADAR AD-VALOREM (Contohnya 10%, 30%, 60% dll)

Barang-barang dan kadar Duti Eksais yang berkuatkuasa semasa:

MOTOKAR

Kapasiti Enjin	Kadar Duti Eksais (%)
< 1800	75
≥ 1800 - < 2000	80
≥ 2000 - < 2500	90
≥ 2500 - ≤ 3000	105
> 3000	105

MPV / VAN

Kapasiti Enjin	Kadar Duti Eksais (%)
≤ 1500	60
> 1500 - < 1800	65
≥ 1800 - < 2000	75
≥ 2000 - < 2500	90
≥ 2500 - ≤ 3000	105
> 3000	105

KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4WD)

Kapasiti Enjin	Kadar Duti Eksais (%)
< 1800	65
≥ 1800 - < 2000	75

Kapasiti Enjin	Kadar Duti Eksais (%)
≥ 2000 - < 2500	90
≥ 2500 - ≤ 3000	105
> 3000	105

MOTOSIKAL

Kapasiti Enjin	Kadar Duti Eksais (%)
≤ 150	20
> 150 - ≤ 200	30
> 200 - ≤ 250	30
≥ 250 - ≤ 500	30
> 500 - ≤ 800	30
> 800	30

KENDERAAN DAGANGAN

Mulai 22 Mac 2006 semua kenderaan dagangan dikenakan Duti Eksais pada kadar 10%. Bagaimanapun pembayaran Duti Eksais atas kenderaan dagangan hanya akan dikuatkuasakan enam (6) bulan dari tarikh kuatkuasa di atas iaitu mulai 22 September 2006.

TEMBAKAU DAN KELUARAN TEMBAKAU

Jenis Barang	Kadar Duti Eksais
Cigars, cheroots, cigarillos	RM120.00 per kg & 20%

Jenis Barang	Kadar Duti Eksais
cigarettes	RM0.12/stk & 20%
Beedies	RM7.50 per kg & 5%
Smoking tobacco	RM27.00 per kg & 5%
Homogenised or reconstituted tobacco	RM27.00 per kg & 5%
Snuff	RM27.00 per kg & 5%

MINUMAN KERAS

Jenis Barang	Kadar Duti Eksais
Beer made from malt	RM7.40 / litre & 15%
Wine of fresh grapes: - sparkling wine - wine - vermouth & other wine	RM34.00 / litre & 15% RM12.00 / litre & 15% RM12.00 / litre & 15%
Other fermented beverages : - cider & perry - rice wine - mead	RM1.50 / litre & 15% RM22.50/100% vol / litre & 15% RM4.00 / litre & 15%
Wine obtained by the fermentation of fruit juice, other than juice of fresh grapes, or of vegetable juices	RM30.00/100% vol / litre & 15%
Toddy, bottled or	RM1.10 / litre & 15%

Jenis Barang	Kadar Duti Eksais
canned	
Other	RM30.00/100% vol/litre & 15%
undenatured ethyl alcohol (80% vol or higher)	RM22.50 / 100% vol /litre &15%
Brandy	RM30.00 / litre & 15%
Whiskies	RM30.00 / litre & 15%
Rum and tafia	RM30.00 / litre & 15%
Gin and Geneva	RM30.00 / litre & 15%
Vodka	RM30.00 / litre & 15%
Samsu	RM22.50 / 100% vol /litre &15

PLAYING CARDS & MAHJONG TILES

Jenis Barang	Kadar Duti Eksais
Playing cards	10%
Mahjong tiles	10%

Nota: Senarai terperinci mengenai barang-barang yang tertakluk kepada DutiEksais dan kadar duti yang dikenakan hendaklah dirujuk kepada **Perintah Duti Eksais 2004**

Formula Pengiraan Duti Import, Duti Eksais Import dan Cukai Jualan Import

A. Formula pengiraan Duti Import :

- Spesifik (RM per litre/Kg/stk) :
Kuantiti x kadar Duti Import per unit
- Spesifik (RM per 100% vol per litre):
$$\frac{\text{Kuantiti} \times \% \text{ vol of alcohol} \times \text{kadar DI}}{100} / \text{unit}$$
- Ad valorem:
Nilai (CIF) x kadar Duti Import

B. Formula pengiraan Duti Eksais (Import):

- Spesifik (RM per litre/Kg/stk):
Kuantiti x kadar Duti Eksais per unit
- Spesifik (RM per 100% vol per litre):
$$\frac{\text{Kuantiti} \times \% \text{ vol of alcohol} \times \text{kadar DE}}{100} / \text{unit}$$
- Ad valorem:
(Nilai [CIF] + Duti Import) x kadar Duti Eksais

C. Formula pengiraan Cukai Jualan (Import):

(Nilai [CIF] + DI + DE) x kadar Cukai Jualan

Formula Pengiraan Duti Eksais dan Cukai Jualan Atas Barangan Kilangan Tempatan

A. Formula pengiraan Duti Eksais (tempatan):

- Spesifik (RM per litre/Kg/stk) :

Kuantiti x kadar Duti Eksais per unit

(b) Spesifik (RM per 100% vol per litre) :

$$\frac{\text{Kuantiti x \% vol alkohol x kadar DE/unit}}{100}$$

(c) Ad valorem:

Nilai x kadar Duti Eksais

B. Formula pengiraan Cukai Jualan (tempatan):

(Nilai + Duti Eksais) x kadar Cukai Jualan

JENIS-JENIS LESEN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH AKTA EKSAIS 1976

Lesen yang diluluskan oleh Kastam Diraja Malaysia

Lesen di bawah Seksyen 20:

- ▶ Lesen untuk mengilang barang-barang berduti
- ▶ Lesen untuk membotol, mencampur, menyebati, mengubah minuman keras memabukkan (lesen baru tidak lagi dikeluarkan)
- ▶ Lesen untuk mengilang tembakau

Lesen menggudang di bawah Seksyen 25:

Lesen untuk menggudang atau menyimpan barang-barang yang belum berbayar Duti Eksais.

Lesen yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan

- ▶ Lesen Rumah Awam [Section 35(1)(a)]

Untuk menjual secara runcit minuman keras tidak termasuk todi bagi kegunaan dalam premis atau ditempat ianya dijual.

- ▶ Lesen Rumah Bir [Section 35(1)(b)]

Untuk menjual secara runcit bir bagi kegunaan dalam premis atau tempat ianya dijual. Bagaimanapun pemegang lesen rumah awam adalah dikecualikan daripada memohon Lesen Rumah Bir.

- ▶ Lesen Jualan Runcit [Section 35(1)(c)]

Untuk menjual secara runcit minuman keras tidak termasuk todi bagi kegunaan di tempat lain dari premis/tempat yang menjualnya (kuantiti jualan kurang dari 27 liter sehari)

- ▶ Lesen Jualan Borong [Section 35(1)(d)]

Untuk jualan secara borong minuman keras tidak termasuk todi (kuantiti jualan 27 liter atau lebih sehari bagi setiap seorang)

LESEN YANG DIKELUARKAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN EKSAIS 1977

- ▶ Lesen Kedai Todi - Peraturan 4(a) Peraturan-Peraturan Eksais (Kawalan Todi dan Kedai-Kedai Todi) 1977

Lesen untuk menjual todi dikedai-kedai todi yang diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan 3(a).

FI / BAYARAN LESEN DIKENAKAN DI BAWAH AKTA EKSAIS 1976

Jenis Lesen

Bayaran (RM)

Seksyen 20

- ▶ Untuk mengilang rokok 2,400.00 setahun
- ▶ Untuk mengilang tembakau (selain dari rokok) tidak melebihi 45 kg sebulan. 5.00 setahun
- ▶ Untuk mengilang tembakau (selain dari rokok) melebihi 45 kg sebulan. 360.00setahun
- ▶ Untuk mengilang lain-lain barang berduti eksais 2,400.00 setahun
- ▶ Lesen untuk membotol, menyebati minuman keras 1,200.00 setahun

Seksyen 25

- ▶ Lesen Gudang Eksais 1,200.00 setahun

Jenis Lesen	Bayaran (RM)
Seksyen 35	
▶ Lesen Rumah Awam	
Kelas 1	110.00 sebulan
Kelas 2	80.00 sebulan
Kelas 3	55.00 sebulan
▶ Lesen Rumah Bir	
Kelas 1	55.00 sebulan
Kelas 2	35.00 sebulan
▶ <i>Temporary Licence</i>	30.00 sehari atau <i>part of a day</i>
▶ <i>Temporary Extention of Opening Hours</i>	
Rumah Awam	30.00 sejam atau <i>part of an hour</i>
Rumah Bir	15.00 sejam atau <i>part of an hour</i>
▶ Lesen Jualan Borong	45.00 sebulan atau <i>part of a month</i>
▶ Lesen Jualan Runcit	45.00 sebulan atau <i>part of a month</i>

- ▶ Lesen Kedai Todai 4.50 sebulan atau *part of a month*

TATACARA PERMOHONAN LESEN DI BAWAH SEKSYEN 20 & 25 AKTA EKSAIS 1976

- i. Permohonan hendaklah dibuat oleh Pemilik, rakan kongsi atau pengarah mengikut mana yang berkenaan
- ii. Permohonan dibuat secara bertulis kepada Pejabat Kastam yang menjaga daerah menggunakan Borang JKED 1 dalam 3 salinan
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan pelan dan lukisan dalam 3 salinan menyatakan perkara-perkara berikut:
 - (a) Tapak bina
 - (b) Susunan premis
 - (c) Kedudukan sebelah dalam
 - (d) Susunan kilang sebenar dan
 - (e) Susunan loji, jentera, kelengkapan dan kerja paip

Pelan dan lukisan hendaklah disahkan oleh arkitek berdaftar dan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.
- iv. 1 salinan Sijil Pendaftaran Syarikat bersama 1 salinan Memorandum and Article of Association (M&A)
- v. 1 salinan surat kelulusan Jabatan Bomba

- vi. Salinan-salinan surat dari pihak-pihak berkuasa/agensi-agensi berkaitan.

Perhatian :

- i. Lesen baru/penubuhan cawangan baru untuk mengilang rokok dan minuman keras tidak lagi dibenarkan.
- ii. Lesen di bawah seksyen 20 dan 25 perlu diperbaharui setiap tahun atau dua tahun sekali.
- iii. Permohonan pindaan berserta pelan hendaklah dikemukakan ke stesen yang mengawal kilang jika terdapat perubahan atau pengubahsuaian kepada premis berlesen.
- iv. Jika berlaku perubahan nama syarikat / perniagaan, pengarah-pengarah, pemilik perniagaan/perkongsi, dokumen-dokumen berkaitan di bawah Akta Syarikat 1965/Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956/SSM, dimana berkenaan hendaklah dikemukakan :

PEMINDAHAN BARANG-BARANG BERDUTI EKSAIS DARI PADA PREMIS BERLESEN

Seksyen 28 menegaskan bahawa barangan berduti eksais tidak boleh dipindahkan dari premis berlesen kecuali apabila :

- i. duti eksais ke atasnya telah dibayar;

- ii. kebenaran diberi oleh Menteri melalui Perintah di bawah Seksyen 6 Akta apabila diberi sekuriti sebagaimana diperuntukkan dalam Perintah berkenaan;
- iii. dipindahkan ke bon atau gudang berlesen atau mena-mana tempat lain di bawah kawalan eksais; atau
- iv. dieksport.

PEMBAYARAN DUTI EKSAIS

- ▶ Pembayaran sebelum barangan dilepaskan daripada premis berlesen

Sistem yang lazim diamalkan di mana duti eksais perlu dijelaskan sebelum barangan berduti dilepaskan daripada premis berlesen

- ▶ Bayaran secara pendahuluan (*blanket*)

Pembayaran duti dibuat terdahulu/dibuat secara pukal dan pelepasan dibuat secara berperingkat. Kebenaran ini tertakluk kepada kelulusan serta syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam

- ▶ Bayaran secara tanggungan

Kemudahan untuk membayar secara tanggungan ini diberi di bawah Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2004. Hanya kenderaan bermotor (selain motosikal) yang dibenarkan untuk membayar secara tanggungan

ini. Duti Eksais hanya perlu dibayar apabila kenderaan terlibat mempunyai pembeli atau sedia untuk didaftarkan di JPJ. Bagaimanapun jika kenderaan tidak didaftarkan dalam tempoh empat (4) tahun maka Duti Eksais ke atasnya hendaklah dibayar oleh pemegang lesen.

- ▶ Pembayaran Duti Eksais atas barangan kilangan tempatan hendaklah di buat dalam Borang Eksais No.7 (Per.29(1))
- ▶ Bagi barangan import Duti Eksais dibayar melalui Borang Kastam No.1 (Per 59C) atau Borang Kastam No.9. (Prosedur pembayaran Duti Eksais atas barangan import hendaklah dirujuk kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977)